

Cekolah durian ikut paksanya...

Dr Azman Ibrahim,

Tahniah dan syabas kepada Tuan Guru Mursyidul Am atas kenyataan yang tegas, berfakta dan berhemah serta penuh berhikmat yang telah menutup mulut-mulut yang mengomel itu dan ini berkenaan hukum Allah yang bernama Hudud!

Sesuatu perkara, apabila kita kembali kepada kaedah yang sebenar dan rujukan yang soheh, pencerahannya begitu mudah dimengertikan sekalipun oleh mereka yang masih mengingkarinya tetapi akan ketandusan hujah untuk menafikan hakikat yang terserlah.

Orang tua-tua ada bidalannya, 'Bila nak belah buah durian, cekolah ikut paksanya...' Bunyinya biasa, tapi maknanya sangat mendalam. Sesuatu perkara, lakukanlah ia mengikut kaedahnya dan dilakukan oleh mereka yang ahli nescaya ia akan selesai dengan cara yang terbaik. Durian... Walaupun kulitnya kelihatan berduri, kita tak perlu tukul, gergaji serta kapak besar untuk menikmati isinya yang enak.

Bidalan ini saya dahulukan dengan keampunan saya pohonkan andainya ia dianggap sebagai teguran tak beradab seorang pimpinan kecil seperti saya dalam menyuarakan pandangan kepada segelintir pimpinan atasan yang suka menggunakan gergaji, tukul dan kapak besar tanpa mahu memanfaatkan paksa durian yang telah sedia ada, sehingga riuh rendah bunyinya tapi isinya tak dapat dinikmati.

Perhatikan senario yang telah berlaku... Seorang kata Hudud belum sesuai dilaksanakan, seorang lagi menyambut dengan menyatakan rakyat perlu terlebih dahulu diberi kefahaman, seorang lagi menyatakan polemik hudud adalah sesuatu yang sihat sehingga jadinya hingar-bingar!

Untuk apakah semua ini wahai para pimpinan yang dihormati? Tak semua hukum Allah yang telah diputuskan dengan dalil yang *qat'ie* (putus) boleh dihuraikan

dengan hujah akal fikiran tanpa kita kembali kepada sumber rujukan yang asal. Kalau kita tidak berkemampuan untuk merujuk kepada *masdar* (sumber) yang muktabar, bukankah diam lebih baik dan selamat? Biarlah mereka yang berkeahlian bercakap dan berhujah.

Para pimpinan berkenaan yang dihormati. Dalam politik, populariti memang suatu faktor penting, tetapi bukannya dalam semua perkara kita perlu menjadi populis! Tak ada sesuatu yang dapat mengatasi fakta, dalil dan hujah yang telah tersedia dalam Syariat Islam. Berpadalah dalam kita membina populariti.

Tentunya para pimpinan yang semuanya yang berpendidikan tinggi lebih mengerti dari kami yang sekadar aktivis cabuk peringkat kampung bahawa berbincang, berdiskusi, berhiwar serta berpolemik ada adab dan kaedahnya. Apatah lagi kita berada di dalam Jamaah Islam yang kami di kampung-kampung diajar dan ditarbiyah supaya berdisiplin dan disiplin antara faktor penting ke arah kejayaan dan kemenangan.

Bila kita berkata-kata kepada *public*, kita tidak bercakap mewakili batang tubuh kita seorang, tetapi kita bercakap atas nama Parti Islam yang kita sayangi. Lagikan kita bercakap perkara yang baik dan betul, tetapi tetap diterbalikkan maksudnya oleh media arus perdana, inikan pula bila lidah kita yang tidak bertulang mengomen itu dan ini dan tambah-tambah lagi bila menyentuh persoalan hukum Allah secara mendatar tanpa asas dalil dan hujah syar'ie..

Para pimpinan berkenaan yang dihormati. Adalah merugikan, bila kita bersikap meruntuh dulu, baru nak membina semula. Dalam dunia tanpa sempadan dewasa ini, sebaris *statement* kita, seantero negara ianya tersebar dalam detik yang begitu pantas. Risikonya, respon positif atau negatif. Janganlah setelah kenyataan kita ditegur, dikritik dan dikecam, barulah sibuk kita nak cari wartawan semula untuk buat kenyataan balas dan mencari hujah untuk memperbetulkan semula. Bukan semua benda boleh diundur balik. Ianya bukanlah terlajak kata badan binasa, tapi terlajak kata, parti kita tanggung akibatnya. Ingatlah, kita hanya memerlukan sesaat untuk meruntuhkan, tapi kita memerlukan masa bertahun untuk membinanya semula.

Demi perjuangan yang sama-sama kita dokongi, fikirkanlah mudharat dan masalah sebelum kita bertindak. Saya bukanlah seorang yang berilmu keislaman tinggi untuk menasihatkan para pimpinan yang berkenaan supaya menjaga batas-batas percakapan, bimbang ianya menyentuh persoalan aqidah, tetapi saya cukup meyakini bahawa semua pimpinan kita telah ditarbiyah oleh ulama'-ulama' yang cukup memahami dan berhati-hati dengan dengan batas-batas aqidah yang telah ditentukan oleh Allah.

Para ulama' inilah yang akan terus menerajui kita, kekal istiqamah dengan perjuangan untuk menegakkan syariah Allah termasuk hudud di atas muka bumi Malaysia. Kita tetap bercakap dengan bahasa, nada dan ketegasan kita. Tidak ada jual beli dalam soal prinsip dan pegangan. Kita juga meyakini, kerana prinsip dan pegangan inilah, kita dihormati oleh rakan-rakan Pakatan Rakyat. Kita bertahalluf tanpa perlu mengorbankan apa yang telah kita pertahankan dan perjuangkan puluhan tahun dulu dan kita akan terus perjuangkan. Allahu Akbar!

Sumber: <https://bm.harakahdaily.net/index.php/letter/12673-cekohlah-durian-ikut-paksanya>